

# eberita **PENDIDIK**

EDISI APRIL 2025

## **BUDI Holistic Development Programme**

Dedikasi BPM  
Corak Masa Depan Pelajar

- MRSM JB Wakili Malaysia ke APCYS 2025 Taiwan
- Nur Alis Safiya Cemerlang di Gelanggang Akademik dan Sukan
  - Kolaborasi Ochidra Buahkan Hasil
  - Ayana Journey to Islam
  - Antara Tembok Besar China dan Kita



# SIDANG EDITOR

Terbitan: Bahagian Inovasi dan Teknologi Kreatif

## PENAUNG

**YBhg. Dr. Ir. Mahzan bin Teh**

Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan)  
MARA

## PENERBIT EKSEKUTIF

**Nor Zaini binti Abu Kassim**

Pengarah Bahagian Inovasi & Teknologi Kreatif  
MARA

## PENERBIT

**Jamizan bin Baki**

Timbalan Pengarah II

## EDITOR/WARTAWAN

**Tik Shaiza binti Ariffin**

Penolong Pengarah

## KREATIF

**Amirul Asyraf bin Abdul Razak**

Penolong Pengarah

## JURUFOTO

Produksi Kreatif Unit AV

## TEKNIKAL & HEBAHAN

Unit Penerbitan (BITK)

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM)



Sidang Editor E-Buletin Keusahawanan berhak meminda, mengubah dan menggarap manuskrip yang dihantar agar bersesuaian dengan garis panduan yang ditetapkan dan tidak mengubah isi asalnya. Semua manuskrip yang diterima sama ada disiarkan ataupun tidak disiarkan tidak akan dikembalikan. Manuskrip ini juga boleh digunakan oleh pihak yang diberi kebenaran untuk masa-masa akan datang. Kami mengalu-alukan sebarang cadangan atau komenar, surat menyurat, rencana dan ulasan ke meja Sidang Editor atau emel ke [infobitk@mara.gov.my](mailto:infobitk@mara.gov.my)

Sebarang pertanyaan hendaklah dialamatkan kepada:

### Pengarah

Bahagian Inovasi & Teknologi Kreatif MARA

Tingkat 4, Ibu Pejabat MARA

21, Jalan MARA

50609 Kuala Lumpur.

Tel: 03 2613 2401

Faks: 03 2691 0075

Email: [infobitk@mara.gov.my](mailto:infobitk@mara.gov.my)

Copyright@MARA 2021. All rights reserved

*Assalamualaikum dan Salam sejahtera,*

*MARA, semenjak 20 tahun yang lalu telah mengambil inisiatif membantu pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) daripada keluarga yang kurang berkemampuan agar mereka berpeluang mendapat kesamarataan dengan rakan-rakan sebaya yang lain. Tujuan utamanya adalah supaya mereka mampu menjalani pembelajaran dengan sempurna.*

*Memandangkan dasar pengambilan pelajar MRSM adalah 60% daripada golongan B40, maka perlaksanaan program Budi adalah sesuatu yang dialu-alukan. Pelajar yang terpilih- mengikut kriteria yang ditetapkan (pendapatan isi rumah kurang daripada RM 1500 dan ahli keluarga melebihi 5 orang) akan menerima bantuan RM1,100 yang merangkumi pelbagai perkara keperluan harian maktab, tambang pulang cuti semester, keperluan peribadi, wang saku serta pengecualian bayaran caruman.*

*Rentetan daripada program Budi, maka lahirlah BHDP- Budi Holistik Developmental Programme, sebuah program khusus untuk membina sisi spiritual dan emosi pelajar.*

*Program sebegini ternyata mampu melonjakkan semangat pelajar. Saya sendiri merasa terharu melihat keterujaan mereka melawat tempat yang kepada kebanyakkan daripada kita took for granted, seperti menaiki MRT dan mengunjungi pusat beli belah mega.*

*Great accomplishments begin with great aspirations.*

*Dari Meja Editor,*

*Tik Shaiza Griffin*





# BUDI Holistic Development Programme

## Dedikasi BPM Corak Masa Depan Pelajar

Program BHDP (BUDI Holistic Development Programme) kembali lagi untuk tahun ini. Program anjuran Bahagian Pendidikan Menengah (BPM) ini merupakan salah satu inisiatif bagi meningkatkan potensi pelajar BUDI MARA dari seluruh negara yang berjaya mencapai keputusan cemerlang dengan TPNG 3.5 ke atas dalam peperiksaan. Pada tahun ini seramai 90 orang pelajar telah dipilih untuk menyertai program selama tiga hari ini iaitu daripada 21 sehingga 23 April yang dijalankan di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Sepanjang 3 hari program ini berlangsung, banyak pengisian berbentuk bimbingan serta panduan untuk pelajar dijalankan. Pengisian tersebut meliputi Sesi Perkongsian dan Inspirasi Belajar, Sesi Bimbingan Kerjaya Selepas SPM, Sesi Perkongsian Kerjaya Bersama ANSARA, Sesi lawatan ke beberapa agensi kerajaan dan kampus serta Majlis Ramah Mesra Bersama Pengerusi MARA .

Turut serta dalam pengisian ini adalah guru-guru pengiring (12 orang), fasilitator yang terdiri daripada pelajar GMI (10 orang) Ahli jawatankuasa BPM (30 orang). Program ini dibangunkan bagi membimbing pelajar-pelajar untuk memahami laluan pendidikan dan kerjaya disamping memberi penghargaan atas kecemerlangan mereka dalam pelajaran.

## **Pengisian Program**

Pelbagai pengisian diatur untuk mencapai matlamat tersebut. Turut diadakan adalah lawatan ke agensi berteraskan sains dan perubatan. Institusi yang dilawati adalah Institut Genom dan Vaksin Malaysia, Ibu Pejabat MARDI dan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, ketiga-tiganya berpusat di Serdang, Selangor.

**Hari pertama** program dipenuhi dengan pelbagai sesi taklimat serta sesi perkongsian kerjaya. Fasilitator GMI yang mengemudi beberapa sesi suai kenal manakala beberapa orang ahli ANSARA *senior* hadir untuk berkongsi tentang perkembangan kerjaya. Sesi motivasi serta perkongsian kerjaya mereka yang berjaya dalam pelbagai bidang ini banyak memberi inspirasi kepada adik-adik ini.

Jadual **hari kedua** ternyata lebih padat. Slot dimulakan dengan satu pembentangan yang bertajuk **Destinasi Universiti Terkemuka Dunia** oleh Unit Kaunseling

Bahagian Pendidikan Tinggi (BPT). Pada pembentangan ini mereka diberi pendedahan serta taklimat berkenaan langkah-langkah yang diperlukan untuk memasuki universiti terkemuka dunia.

Seterusnya, pada jam 9 pagi rombongan ini bergerak ke Serdang, bertujuan untuk melengkap Slot Jalinan Industri dengan melawat beberapa agensi kerajaan berteraskan sains dan perubatan. Institusi yang dilawati adalah Institut Genom dan Vaksin Malaysia, Ibu Pejabat MARDI dan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan. Jalinan Industri ini memberikan pelajar pendedahan baru yang selama ini hanya mereka baca di buku atau tonton lewat Youtube.

Pada hari yang sama juga satu taklimat penajaan diadakan oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNB) di Tingkat 8, Menara Merdeka 118. Ini memberi peluang kepada adik-adik ini untuk meninjau menara ke-2 tertinggi di dunia ini. Mereka juga turut dibawa menaiki MRT dan LRT serta melawat pusat membeli belah KLCC dan kawasan



sekitarnya. Untuk sebahagian daripada adik-adik ini pengalaman ini adalah pengalaman pertama dan sangat berharga dan dikenang sampai bila-bila.

Pelajar turut dibawa melawat **KLCC Skybridge**, meninjau kota Kuala Lumpur serta melihat senibina KLCC dengan lebih dekat. Keterujaan mereka berganda apabila dinyatakan bahawa mereka akan dibawa ke Tingkat 41 Menara 2 untuk Majlis Ramah Mesra bersama Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan) MARA Dr. Ir. Mahzan bin Teh. Pada majlis ini, pelajar menikmati makan malam di Malaysian Petroleum Club (MPC), sebuah kelab ekslusif milik PETRONAS. Pengalaman ini sangat berharga buat anak-anak pelajar ini. Diraikan di sebuah kelab yang terpilih, semoga ini dapat memberikan motivasi kepada mereka untuk terus cemerlang dan mengantar mesej kepada mereka, bahawa setiap daripada kita berpeluang untuk mencapai apa sahaja dengan izinnya sekiranya kita meletakkan usaha yang baik dalam setiap apa yang kita lakukan. TKP Pendidikan, Ir. Mahzan juga menekankan kepada pelajar, pendekatan bersifat menyeluruh amat diperlukan untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja berilmu dan berketerampilan, tetapi juga berakhhlak mulia, tahan uji, dan memiliki daya saing yang tinggi. Justeru itu, beliau menegaskan, dalam era pendidikan masa kini yang semakin mencabar dan dinamik, pelaksanaan BHDP ini adalah satu langkah tepat dan proaktif ke arah membentuk pelajar yang mantap dari sudut intelek, emosi, rohani dan jasmani.

Pada **hari terakhir program**, pelajar dibawa melawat Kampus GMI pada sebelah pagi, yang mana merupakan juga tempat penginapan mereka selama program ini berlangsung. Selesai melawat kampus, mereka bertolak ke Ibu Pejabat MARA untuk slot terakhir mereka iaitu Majlis Ramah Mesra Pengerusi bersama Pelajar BUDI.

YBhg. Datuk Wira Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki menghabiskan lebih daripada satu jam beramah mesra dengan para pelajar ini, disamping berkongsi cerita memberikan kata-kata semangat. Harapan beliau agar program ini dapat meningkatkan momentum dan motivasi pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik, kepimpinan, ko-kurikulum dan sahsiah diri. Pengerusi turut berkongsi dengan pelajar beberapa contoh kejayaan rakan-rakan BUDI MARA yang lain, antaranya adalah : Nik Annastashaa Rizlyn bin Mohd Rizad yang juga merupakan Presiden Badan wakil Pelajar MRSM Tumpat yang memperolehi TPNG 4.0 serta merangkul Pingat Emas dalam World Youth STEM Innovation, Saudara Abu Huzaifah bin Abdul Ghani Presiden BWP MRSM Muadzam Shah serta seorang atlet yang berketerampilan di padang bola.

Sebelum bertolak pulang pelajar sempat bersama-sama warga MARA yang lain menyertai jamuan Hari Raya MARA di Hotel Primera. Mereka juga berkesempatan bertemu dan beramah mesra dengan Timbalan Perdana Menteri Malaysia (1) YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin



Hamidi yang turut sama berada di majlis tersebut.

BHDP merupakan salah satu inisiatif strategik MARA dalam mengiktiraf kecemerlangan pelajar-pelajar di bawah program BUDI yang telah menunjukkan prestasi akademik yang membanggakan. Lebih daripada itu, program ini dirangka bagi melahirkan pelajar yang seimbang dan berketerampilan, bukan sahaja cemerlang dari segi intelektual, malah turut menyerlah dalam aspek sahsiah, kepimpinan, serta kemahiran insaniah yang lain. Ini selaras dengan hasrat MARA untuk membentuk generasi muda yang holistik dan bersedia menghadapi cabaran dunia global.

Sejak mula diperkenalkan dan dijenamakan sebagai Program BUDI



pada tahun 2006, seramai 2,482 orang pelajar MRSM menerima manfaat daripada program ini melibatkan pelajar tingkatan 1 hingga pelajar tingkatan 5 dengan peruntukan MARA dan pelbagai penaja yang bernilai RM4,151,638.00. Selain menerima bantuan BUDI, pelajar juga dikecualikan bayaran wang caruman dan diberi wang saku oleh MARA sebanyak RM50.00 sebulan. Dengan bantuan yang diberikan pelajar berupaya untuk membayar yuran persekolahan, pembelian pakaian sekolah, keperluan harian, tambang pengangkutan dan sebagainya.

Impak kejayaan program BDHD ini dapat dilihat melalui maklum balas yang diterima daripada pelajar. Keputusan SPM 2024 turut menyaksikan peningkatan pencapaian pelajar BUDI dimana



seramai 131 orang pelajar BUDI mencatat keputusan semua A.

Sumber : BPM

Gambar : Galeri MARA

## APA KATAPELAJAR?



Saya pernah menyertai BHDP yang dianjurkan sebelum ini. Tapi tak boleh dinafikan BHDP 2025 merupakan yang paling seronok saya pernah sertai. Saya dapat belajar banyak benda baharu seperti kelayakan kepada program-program biasiswa dan pelbagai jalan yang boleh saya lalui untuk mencapai cita-cita saya. Saya juga dapat merasai pengalaman baharu yang mungkin saya tak dapat lalui lagi seperti makan di Menara PNB 118 dan Menara KLCC. Akhir sekali, sebagai Penghulu BHDP kali ini, saya dapat belajar banyak kemahiran seperti penjagaan masa, keyakinan bercakap di khalayak ramai dan kepimpinan.

### **Muhammad Nasiruddin Bin Khairul Anuar (MRSM ATM Bera)**

Saya sangat seronok sepanjang program ini. Banyak aktiviti yang memberikan impak yang besar kepada saya. Saya juga sedar bahawa bidang yang saya ingin ceburi pada masa hadapan mempunyai banyak peluang pekerjaan dan tidak tertumpu kepada doktor sahaja. Saya juga dapat tahu bagaimana hala tuju saya selepas spm dan cara untuk melayakkan diri untuk mendapatkan biasiswa.

### **Nur Amni Damya Binti Mohd Fitri (MRSM Tun Ghaffar Baba)**

I hope BHDP could not only expose us to the paths we'd take in the future but also a shortcut to the best scholarships possible

### **Elma Camelia Khalilah Bt Mohd Jafrey (MRSM Kuantan)**

Program yang sangat bagus... memberikan peluang kepada saya yang B40 untuk merasakan nikmatnya belajar di luar negara.. Terima kasih banyak-banyak membawa kami ke KLCC, Menara Merdeka, dan banyak lagi. Saya berterima kasih yang tak terhingga.

### **Muhammad Zafran Aqil Bin Suboh (MRSM Bintulu)**

During the Programme, i learned a lot. Mostly about universities, how to choose my desired fields and jobs. We visited a lot of cool places like Menara Merdeka, Stadium Merdeka, KLCC and most importantly, the one place i could not believe i could ever go to is the MARA Headquarters. We also got the opportunity to use the LRT, which excites me so much!

We had some enlightening sessions with ANSARA, one I particularly remember was the one with Puan Sherene Azura. Her speech was so motivating and inspiring. She shared about how she got out of her comfort zone and ended up being the successful woman that she is now. I even got the chance to see and experience new things. This programme did not just give me lessons to survive in life but it gave me the opportunity to be the best version of myself now and in the future. It helps me to be more confident and find new friends. I even got a chance to be the emcee during the last day!

Lastly, i would like to take this chance to thank MARA and everyone who helped throughout the programme. Thank you for seeing potentials in all of us where others saw none and for giving us the chance to turn curiosity into capability. MARA didn't just give us a chance, they gave students like us wings to soar and for that I'll always be grateful.

### **Daphne (MRSM Ranau)**





## MRSB JB Wakili Malaysia ke APCYS 2025 Taiwan

MRSB Johor Bahru menjadi satu-satunya MRSB yang terpilih untuk mewakili Malaysia di **Asia Pacific Conference of Young Scientists 2025** yang bakal diadakan di National Taiwan University, Taiwan pada Julai kelak. Dua orang pelajar MRSB JB, Ahmad Sirajuddin Bin Shahrul Effendy (Tingkatan 4) dan Tun Muhammad Umar Bin Aris (Tingkatan 3) telah dipilih antara beratus pelajar daripada seluruh negara untuk membentangkan hasil kajian yang mereka jalankan.


Pada 27 Mac 2025, Ahmad Sirajudin dan Tun Muhammad Umar telah menghantar 2 buah projek mereka untuk konvensyen tersebut di bawah kategori *Environmental and Life Science*. Pada 15 April yang lepas mereka telah mendapat perkhabaran gembira bahawa salah satu daripada projek tersebut iaitu **Project Airdive** merupakan antara 5 buah projek terbaik yang akan mewakili Malaysia ke Taiwan. Empat lagi sekolah yang berjaya adalah

Sekolah Dato' Abdul Razak, Seremban (SDAR), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Chan Wan, Seremban, Kolej Vokasional Pertanian, Teluk Intan dan Sekolah Alam Shah, Selangor (SAS). Pertandingan ini diadili oleh Malaysia Young Scientist Organisation yang merupakan penganjur kepada Konferens ini.

Menurut Puan Aimie Shazliza bt Ishak (MRSB JB) yang merupakan penasihat projek, kemenangan ini adalah sangat manis, memandangkan pelbagai rintangan yang dihadapi oleh kedua orang pelajar ini dalam usaha menyiapkan projek ini. Antaranya adalah kekangan dari segi teknikal dimana *board* yang digunakan terbakar dan tidak mampu untuk *support*, sensor dengan harga mampu milik tidak banyak pilihan begitu juga kepakaran mereka dalam bidang Coding Arduino adalah masih dalam peringkat baru. Perbelanjaan keseluruhan pembinaan robot ini juga bukanlah sedikit.

Namun kegigihan mereka ternyata membawa hasil. Harapannya agar dengan pendedahan sebegini pelajar akan dapat menambah ilmu yang sedia ada, disamping membina jaringan sosial dengan pelajar-pelajar luar negara. Banyak yang boleh pelajar kita pelajari daripada interaksi serta pemerhatian terhadap projek-projek yang lain. Pembentangan ini juga akan mengenangkan nama MRSM dan MARA ke mata dunia.

**Sumber & Gambar :Aimie Shazliza bt Ishak (MRSM JB)**



# Nur Alis Safiya

## Cemerlang di Gelanggang Akademik dan Sukan

Teks & Gambar : Amin Zairi bin Abdul Fatah (BPT)

Kejohanan Bola Jaring Remaja Kebangsaan ke-39 (2025) telah berlangsung dari 7 hingga 10 April 2025 bertempat di Stadium Juara, Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Kejohanan tahunan ini merupakan platform utama bagi mencungkil bakat-bakat muda dalam sukan bola jaring di peringkat kebangsaan. Salah seorang bintang yang bersinar pada kejohanan tahun ini adalah seorang pelajar daripada Kolej MARA Kulim, Nur Alis Safiya bt Mohd Fauzi, wakil tunggal pelajar IPMA dalam skuad bola jaring negeri Kedah.

Pertandingan ini menghimpunkan pasukan-pasukan terbaik dari seluruh negara, bertujuan untuk memperkasakan pembangunan sukan bola jaring di kalangan remaja serta menyediakan tapak kepada atlet muda untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi, termasuk SUKMA dan skuad kebangsaan.

Dalam edisi ke-39 ini, pertandingan menyaksikan persaingan sengit antara negeri-negeri, dengan standard permainan yang tinggi dan semangat kesukanan yang membanggakan.

Nur Alis Safiya Binti Mohd Fauzi telah menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang kejohanan dan berjaya membantu pasukannya menjuarai Kejohanan Bola Jaring Remaja Kebangsaan ke-39 (2025). Beliau bermain di posisi GA (Goal Attack), dimana antara tugasnya adalah memasukkan bola ke dalam jaring. Kejayaan ini menambah satu lagi pencapaian besar dalam karier sukan beliau, selepas sebelum ini mewakili negeri Kedah dalam temasya SUKMA 2024 di Sarawak, di mana pasukan beliau berjaya merangkul gelaran Naib Johan.

Nur Alis Safiya merupakan seorang pelajar yang cemerlang dalam dunia akademik juga. Beliau merupakan pelajar semester kedua Program Pra-USM di KMK dan telah berjaya memperolehi CGPA 4.0 baru-baru ini. Penglibatan aktif Nur Alis Safiya dalam pertandingan berprestij ini membuktikan komitmen tinggi beliau terhadap bidang sukan serta pelajaran dan semoga menjadi inspirasi kepada rakan-rakan IPMA lain.





# Kolaborasi Ochidra Buahkan Hasil



MRSM Bentong telah terpilih sebagai salah satu pasukan yang bertandingan dalam peringkat akhir Pertandingan STEM Racing Malaysia (National Finals Malaysia 2025) yang diadakan di UiTM Melaka Cawangan Alor Gajah pada 23 sehingga 26 Feb 2025. Pertandingan ini adalah susulan daripada pertandingan peringkat negeri yang telah diadakan pada Oktober tahun lepas.

Untuk peringkat kebangsaan ini, pasukan MRSM Bentong telah berkolaborasi dengan pasukan dari Sekolah Sultan Alam Shah Putrajaya untuk membentuk satu pasukan iaitu pasukan Ochidra. Terdapat 50 pasukan yang bertandingan di peringkat akhir ini yang disertai oleh pasukan-pasukan yang telah dipilih dari setiap negeri. Pada hari pertandingan pasukan Ochidra telah berjaya mendapat :

## Best Collaboration Team Award

Tahniah juga diucapkan kepada guru penasihat, Cikgu Mohd Mohd Fadzil Niza Bin Abang dan Mohd Yazid Bin Mohd Shariff atas kejayaan anda membimbang pelajar. Pelajar-pelajar yang terlibat adalah seperti berikut:

1. Wania Nadheera Binti Basheer Ahmad
2. Fathin Qaisara Binti Tuan Muhd Makmun
3. Danial Rahman Bin Basarah
4. Muhammad Alif Hadi Bin Indera
5. Muhammad Aakif Mifzal Bin Khairul Faizal
6. Miqhael Putra Bin Nor Hayat

Penyampaian hadiah diadakan di Dewan Taming Sari, Universiti Teknologi MARA Melaka, Cawangan Alor Gajah. Hadiah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia), Tuan Haji Ismail bin Ibrahim.



Dari kiri : Fathin Qaisara bt Tuan Muhd Makmun, Cikgu Fadzil Niza b Abang, Muhammad Alif Hadi b Indera, Cikgu Mohd Yazid bin Mohd Shariff, Wania Nadheera bt Basheer Ahmad



Dari kiri : Fadzil Niza b Abang (MRSM Bentong), Alia Kamalia bt Abd Aziz (SAS), Mohd Yazid b Mohd Shariff (MRSM Bentong) Herlina bt Syafrudin (SAS)

Teks & Gambar : Mohd Yazid Bin Mohd Shariff (MRSM Bentong)

## TENTANG BUKU

# AYANA JOURNEY TO ISLAM oleh : Ayana Moon

Ulasan oleh : Suhaila binti Ismail (IKM Sik)

Buku ini mengisahkan sebuah perjalanan hidup Ayana, iaitu seorang mualaf yang berjuang dalam mempelajari Islam sebagai sebuah agama yang dirasakannya tenang dan menarik.


Kecekalan dan semangatnya yang kuat bermula dari sejak awal remaja lagi sangat menginspirasikan kita sebagai pembaca untuk terus menelusuri perjalanan beliau mempelajari Islam. Seawal usia remaja, beliau begitu berani membuat keputusan besar dalam hidupnya dengan memilih Islam sebagai pegangannya dan berhijrah keluar dari Korea Selatan bagi memenuhi hasratnya untuk belajar lebih mendalam tentang Islam.

Begitu besar hasratnya, maka begitulah kesukaran yang dihadapinya. Kesukaran yang dihadapi akan memberi rasa saspens kepada pembaca samada beliau masih kukuh dalam Islam atau sebaliknya. Namun kasih sayang Allah itu sangat pasti pada hambaNya apabila ujian ditukar kepada nikmat. Ayana akhirnya bermuhasabah dan mampu melihat indahnya bahagia dari ujian yang dihadapinya.

Buku ini sarat dengan makna cinta, erti keluarga, perjuangan, keyakinan dan indahnya Islam dalam memaknai kehidupan.

Petikan ayat terbaik, yang menyentuh hati saya dalam buku ini :

- Perjalanan Seribu Batu Bermula Dari Langkah Yang Pertama
- In one Simple Statement : My Journey To Islam Is My Journey To Happiness
- Islam Makes Me Feel Like I Belong Somewhere, Like I Have A Reason To Be In This World
- “Sesungguhnya Bagi Setiap Kesulitan Itu, Ada Kemudahan” (QS Al-Insyirah : 6)







## Antara Tembok Besar China dan Kita

*Di tanah asing ini, berdiri tembok perkasa,  
megah, bisu, menyimpan cerita.  
Tembok yang dibina sebagai pelindung yang  
menjauhkan,  
antara ‘kita’ dan ‘mereka’ yang mengancam.*

*Sedang aku pula,  
pendidik yang acah tahu segalanya,  
masih setia membina tembok dalam jiwa—  
bukan dari batu,  
tapi dari alasan dan dilema.*

*Kataku:  
“Murid kita susah berubah”  
“Bukan salah kita, tapi sistem yang tak  
menyebelahi kita”  
“Aku dah cuba, tapi mereka yang susah nak  
faham”  
Bata demi bata, aku susun dengan teliti,  
membina tembok yang semakin tinggi,  
hingga akhirnya,  
aku terpisah dari niat dan janji sendiri.*



Tembok besar itu,  
lama sudah menjadi lambang sejarah.  
Tapi tembokku—  
masih berdiri antara aku dan jiwa anak-anak  
yang dahagakan cahaya.

Aku ajar mereka untuk terbuka,  
sedangkan aku sendiri yang menutup rasa.  
Aku minta mereka berhenti mencipta alasan,  
sedangkan aku yang memendam perasaan,  
membatasi melindungi diri .

Tuhan,  
bantu aku kembali menjadi pendidik yang  
besar jiwanya,  
memecahkan tembok yang disangka  
pertahanan,  
malah rupanya halangan.  
Semoga aku benar-benar hadir,  
Memberi hati dengan tekad,  
menjadi pendidik yang memahami dan  
menyampaikan,  
memberi cahaya dan jalan,  
untuk mereka yang benar-benar memerlukan.

Nurkilan: Nurul Husna binti Nor Aripin  
Guru Bahasa Mandarin  
MRSM Pengkalan Chepa

**Pengarah  
Bahagian Inovasi & Teknologi Kreatif  
MARA**

Tingkat 4, Ibu Pejabat MARA  
50609 Jalan MARA, Kuala Lumpur.

Tel: 03 2613 2401  
Faks: 03 2691 0075  
Email: [infobitk@mara.gov.my](mailto:infobitk@mara.gov.my)